



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**5 FEBRUARI 2023 (AHAD)**



---

---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**5 FEBRUARI 2023 (AHAD)**

# 4 fokus baharu inisiatif Rahmah

Kementerian perluas laksana program, jangka dilancar bulan depan

Oleh Qistina Sallehuddin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan inisiatif Rahmah akan diperluas kepada empat fokus baharu, yang menyasarkan mahasiswa, kumpulan B40 dan miskin tegar, tidak lama lagi.

Inisiatif bertujuan membantu golongan terkesan dengan lonjakan kos sara hidup itu merangkumi Pakej Rahmah, Kafe Rahmah, Jualan Rahmah dan Bakul Rahmah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata program itu yang diharap

menjadi tunjang utama dalam pengurusan kumpulan sasar, dijangka dilancarkan bulan depan.

Katanya, pelaksanaan inisiatif itu turut membabitkan beberapa pengusaha pasar raya utama bagi menyediakan barang bakul makanan.

#### Kemas kini senarai B40

Beliau berkata, kementerian juga sedang mengemas kini senarai kumpulan B40 selepas mengambil kira kemungkinan berlaku peningkatan jumlah golongan itu.

Statistik Unit Penyelarasian Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, menunjukkan sejumlah 127,000 isi rumah di negara ini dikategorikan sebagai miskin tegar.

"Sebanyak 12 barang yang disenaraikan adalah keperluan asas pengguna, seperti yang dipamerkan dalam rekod jualan pasar raya terbabit.

"Saya berharap inisiatif Rahmah dapat membantu rakyat menguruskan kos sara hidup me-



Program Jualan Rahmah menawarkan diskauan antara tiga peratus hingga 30 peratus bagi lebih 1,000 barang.

(Foto hiasan)

reka. Insya-Allah, ini bukan inisiatif sekali beri (one-off), sebaliknya akan dilakukan secara berterusan," katanya seperti dilaporkan NST, semalam.

Program Menu Rahmah, yang menawarkan hidangan lengkap bernilai RM5 dengan penyertaan hampir 15,000 pengusaha, dilan-

carkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), baru-baru ini.

#### Bantuan keperluan asas

Program Bakul Rahmah pula menawarkan bakul makanan mengandungi keperluan asas seperti beras, tepung, biskut, sardin

dan mi segera, bernilai antara RM50 hingga RM100, dengan ia dibekalkan sebulan sekali kepada penerima.

Seterusnya, program Jualan Rahmah, menawarkan diskauan antara tiga peratus hingga 30 peratus bagi lebih 1,000 barang di premis terbabit, manakala Pakej Rahmah membabitkan pembekal sama, yang menyediakan 12 barang utama pengguna, termasuk susu, buah dan sayur.

Selain itu, program Kafe Rahmah, menyediakan makanan tengah hari percuma kepada mahasiswa dengan subsidi hingga 50 peratus bagi menu sarapan dan makan malam.

Sebagai permulaan, program berkenaan akan meliputi 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Lembah Klang.

**Saya berharap inisiatif Rahmah dapat membantu rakyat urus kos sara hidup mereka. Ini bukan inisiatif sekali beri (one-off), sebaliknya dilakukan secara berterusan**

**Salahuddin Ayub,  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup**



## Mahasiswa mahu Menu Rahmah di IPT disegerakan



Pengusaha kafeteria di Putra Food Court, UPM sokong cadangan pelaksanaan Menu Rahmah di IPT.  
(Foto Nuratikah Athilya Hassan/BH)

**Kuala Lumpur:** Mahasiswa dan pengusaha kafeteria bersetuju dengan cadangan pelaksanaan Menu Rahmah di institusi pengajian tinggi (IPT).

Pengunjung yang ditemui di Putra Food Court, Universiti Putra Malaysia (UPM), menyokong cadangan itu dan ia dilaksanakan dengan kadar segera.

Pelajar tahun akhir jurusan perakaunan, Nurul Hanisah Abu Muhsen, 22, berkata Menu Rahmah memang wajar dilaksanakan di IPT kerana ia mampu meringankan beban mahasiswa yang terpaksa mengikat perut kerana masalah kewangan.

"Ada mahasiswa perlu melakukan kerja sambilan untuk mencari wang tambahan. Keadaan ini sedikit sebanyak bakal mengganggu pembelajaran mereka."

"Cadangan Menu Rahmah amat wajar dan perlu dilaksanakan segera," katanya.

Ketua Penerangan Majlis Pe-

rundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Muhammad Asfa Irfan Mohamed Razi, berkata inisiatif itu patut dipuji, lebih-lebih lagi dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu.

"Program ini bakal meringankan beban mahasiswa, terutama yang terdiri daripada golongan asraf. Ia perlu dilaksanakan secepat mungkin bagi membantu mahasiswa daripada mencatut wang poket sepanjang tempoh pengajian," katanya.

### Pelbagai menu

Pengusaha Kios Putra Food Court, Mohd Ridhwan Yunus, 48, berpendapat menu yang disediakan dalam program Menu Rahmah perlu dipelbagaikan.

"Memang patut program ini dilaksanakan, tetapi kepelbagaiannya menu itu perlu ada kerana mahasiswa akan cepat bosan jika menu sama setiap hari."

"Sebelum ini, Menu Keluarga

Malaysia cuma ada dua hingga tiga pilihan di setiap kios. Jadi, saya cadangkan untuk program kali ini, ada lima hingga enam pilihan menu di setiap kios.

"Harga akan ditetapkan mengikut cadangan asal program, iaitu RM5 atau lebih murah, tetapi ber�antung kepada kos bahan mentah juga.

"Jika kos bahan mentah meningkat, saya akan kurangkan saiz hidangan makanan seperti saiz ayam akan lebih kecil dari pada kebiasaan," katanya.

Terdahulu, media melaporkan, Menu Rahmah yang menawarkan makanan pada harga RM5 akan diperluaskan ke institusi pengajian tinggi (IPT), dalam masa terdekat.

Menyambutnya, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled, berkata perkara itu akan dilaksanakan kementeriannya dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak.

MINISTRIES TO COLLABORATE

# MENU RAHMAH IN VARSITIES AFTER RAYA

It will start at 20 public institutions in the Klang Valley, says Salahuddin

MOHAMED FARID NOH  
**JOHOR BARU**  
news@nst.com.my

**M**ENU Rahmah will be launched at cafes in 20 institutions of higher learning in the Klang Valley after Hari Raya Aidilfitri.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the plan was a collaboration between his ministry and the Higher Education Ministry.

He said Higher Education Minister Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin had given positive feedback and agreement to have Menu Rahmah introduced in cafes at institutions nationwide.

"Officials from both ministries will meet to streamline the introduction of Menu Rahmah at these institutions."

"These cafes are under the management of the Higher Education Ministry and food supply is the purview of the Domestic

Trade and Cost of Living Ministry.

"Hopefully, after Hari Raya Aidilfitri, we will launch Menu Rahmah at cafes in 20 higher learning institutions in the Klang Valley before expanding it elsewhere, including private institutions, nationwide."

He said this after launching Menu Rahmah at Samballana Bistro in Bandar Dato Onn here yesterday. Samballana is offering a chicken chop and a mango mint drink at RM5.

Khaled on Friday said Menu Rahmah would be introduced in institutions of higher learning soon.

The New Straits Times yesterday



Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub with a Menu Rahmah meal at Samballana Bistro in Johor Baru yesterday. PIC BY NUR Aisyah Mazalan

day reported Salahuddin as saying that the Rahmah initiative would be expanded to four schemes, targeting university students, the B40 group and the hardcore poor.

They are Pakej Rahmah, Kafe Rahmah, Jualan Rahmah and Bakul Rahmah.

Bakul Rahmah will provide a food basket of necessities — such as rice, flour, biscuits, sardines and instant noodles — worth between RM50 and RM100 to hard-

core poor families each month.

Jualan Rahmah involves participating hypermarkets offering 1,000 items at discounts of between three and 30 per cent.

Pakej Rahmah involves the same players offering 12 fast-moving consumer items, including milk, fruits and vegetables, at lower prices.

Kafe Rahmah aims to provide university students with a free lunch, and breakfast and dinner at half price.

BRINGING BACK 'FEAR FACTOR'

# 'OP NAGA CAN CURB FISHERY LOSSES'

Minister says tough measures needed to halt theft of marine resources

QISTINA SALLEHUDDIN  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HERE is an urgent need for Malaysia to strike fear into the hearts of foreign fishing vessels that steal its marine resources, causing billions of ringgit in lost revenue.

The best way to do this, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub, is to re-establish Op Naga, which will see the authorities take strong measures, including burning and sinking captured foreign fishing vessels.

Salahuddin told the *New Sunday Times* that Malaysia lost about RM6 billion in fishing revenue in 2018 and 2019 due to poaching by foreign vessels.

He said one of the most effective ways to prevent this was to bring back the "fear factor" through the re-establishment of Op Naga, which was suspended in 2021.

Launched in 2019, Op Naga was a multiagency operation led by the Malaysian Maritime Enforcement Agency, aimed at improving the livelihoods of fishermen.

Salahuddin, who was agriculture and agro-based industry minister in 2018, said at the time, the problem confronting



Datuk Seri Salahuddin Ayub

Malaysia's marine resources was worrying.

Salahuddin said he was also prompted to emulate the action of the Indonesian government, which took the unprecedented step of burning or sinking confiscated vessels that were found to have been used to steal the country's resources.

"In addition, the leakages in subsidies, sale of diesel to foreigners and Vietnamese vessels warranted urgent attention.

"I had put my foot down and brought the issue immediately to the cabinet. A special task force involving the Defence, Agriculture, Home and Foreign ministries was formed to go all out to protect our waters," he said.

Op Naga proved to be a success, recording 445 arrests and seizures amounting to RM476.5 million. In 2021, 97 arrests were made and 982 crew members of various nationalities detained, the majority of whom were

Vietnamese.

The operation helped fishermen increase their catch and contributed to their socioeconomic development.

Op Naga also helped to curb smuggling, the sale of subsidised diesel and petrol to foreign fishermen and unlawful acts at sea.

Salahuddin said he would propose to the cabinet that Op Naga be re-established so that tougher measures could be carried out.

"There has been no fear factor among those who encroach on our waters.

"We need strong political will and we will get back our revenue in fisheries.

"We need tougher enforcement. I am confident that if we do this, we can solve the problem within six months. It works."

The Fisheries Department had said RM6 billion in fishing revenue (RM4.2 billion from territorial waters and RM1.8 billion in the deep sea) was stolen from Malaysian waters annually.

In 2019, the department said Malaysia had lost 96 per cent of its demersal fish stock in less than 60 years.

It also noted that only 50 per cent of the fish caught in national waters were landed in Malaysia, and the rest were not reported and believed to be "stolen" by foreign fishermen.

*Page 1 pic: The authorities seized 3,000kg of marine catch and seized two foreign fishing vessels, all valued at RM1.3 million, in an operation 12.8 nautical miles off Pulau Aur in Mersing, Johor, last year.*

# 'Price hikes being monitored'

We want to ensure there is no profiteering, says Salahuddin

By ZAKIAH KOYA  
zakiah@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Recent vegetable price hikes and the possibilities of inconsistent supply are being monitored to ensure there is no profiteering, say authorities.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said he has issued an order for all his officers to monitor prices of vegetables that are not listed as controlled items.

"I have issued an order for my enforcement officers on the ground to do a nationwide check to see which market and which traders are hiking up the prices unnecessarily."

"We want to collect all the information first before we can act, as these may be isolated cases of profiteering," said Salahuddin yesterday.

Due to the recent erratic weather patterns, the prices of certain vegetables have soared to more than double.

Agriculture and Food Security Ministry Secretary-General Datuk Lokman Hakim Ali said many factors in the current period have pushed up the prices of certain vegetables.

He said some factors affecting supply include the scaling down of



**Pricey produce:** Due to the recent erratic weather patterns, the prices of certain vegetables have soared to more than double. — ZHAFARAN NASIB/The Star

produce from major producing countries like Africa, the erratic weather, and the back-to-back festivals.

However, Lokman said that the government has put in place short-term measures to ensure consumers do not suffer.

"We have always been a net importer of food products and vegetables. The short-term solution now is to increase our imports," said Lokman.

He said that the ministry has put in place certain proposals to ensure effective imports of vegetables which have seen a massive hike in prices, such as tomatoes.

Lokman also said that for vegetable farmers who are trying to recoup their losses due to higher costs, the ministry is working together with Agrobank to provide soft financing.

Domestic Trade and Cost of Living enforcement director Azman

Adam said although weather is a big factor in the price increase of vegetables, the high demand during certain festivities is also a factor.

"The northeast monsoon might indirectly affect the supply of certain goods, especially a few types of vegetables."

"Prices will also move in accordance with market demand," said Azman.

He further said that besides weather, prices are also dependent on the cost of basic input used in food production.

"We will take action against profiteers or rationing through the enforcement of the Price Control and Anti-Profiting Regulations (Mechanism for Determining Unreasonably High Profits) 2018 under the Price Control and Anti-Profiting Act 2011."

"Any traders found to increase the price without reasonable reason can have action taken against them under the Price Control and Anti-Profiting Act 2011," said Azman.

Individuals can be fined up to RM100,000 or imprisoned for a period not exceeding three years or both, or compounded up to RM50,000.

For corporate bodies, they can be fined up to RM500,000, or compounded up to RM250,000.

## 20 Rahmah Cafes in tertiary institutes after Raya

By REMAR NORDIN •  
remar.nordin@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** A total of 20 Rahmah Cafes will be introduced at 20 public higher learning institutions in Klang Valley after Hari Raya Aidilfitri, says Datuk Seri Salahuddin Ayub.

The Domestic Trade and Cost of Living Minister said he was working closely with Higher Education Minister Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin to prepare the initiative.

"The jurisdiction of the premises that prepare the food falls under the Higher Education Ministry, while the menu is under us.

"Senior officers from the two ministries are currently working together to streamline the initiative so that we can launch the programme after Hari Raya Aidilfitri," he said after launching the Menu Rahmah at Samballana Bistro in Bandar Dato Onn here yesterday.

The Pulai MP added that the ministry would start with 20 public universities around Kuala Lumpur before expanding it to other higher learning institutions.

Salahuddin also said that food and beverage premises were allowed to customise their own version of Menu Rahmah, as long as it was priced under RM5.

He said the most important thing was that the menu offered should not compromise the quality, quantity or hygiene of the product.


"The Menu Rahmah initiative is more of a voluntary programme for the food and beverage sector, rather than a top down move from the ministry, and none of them are forced to provide this menu."

"But I am happy that there are many premises keen to participate in this programme to help the hardcore poor in line with our effort to combat the rising cost of living."

"The Menu Rahmah initiative is not meant to disrupt any business model, we just want to introduce a cheaper menu while eateries continue to sell what they already have," he said.

Salahuddin said he would also be meeting with the Chinese Restaurants Associations and franchise companies next week to explore the possibility of these outlets also offering Menu Rahmah.

"We have also requested a directory of the Indian Muslim Restaurant Association's 15,000 members so that we could help promote these restaurants through social media," he said.



MOHD Ezayddy menyahut seruan kerajaan dengan menyediakan hidangan Menu Rahmah atas inisiatif sendiri di Klebang Putra, Chemor, Ipoh.

### MENU RAHMAM TERUS MENDAPAT SAMBUTAN

# DATANG JAUH BELI NASI RM5

Ipoh

**S**eorang ibu tunggal dan anak perempuannya sanggup berhujan panas dengan menaiki motosikal, demi mendapatkan Menu Rahmah di sebuah kedai di pusat bandar raya ini yang menawarkan harga berpatutan.

Suhaila Badarudin, 46, berkata, walaupun terpaksa mengharungi perjalanan yang mengambil masa kira-kira 30 minit dari rumahnya di Sungai Siput ke pasar raya Mydin di Meru di sini, namun ia berbaloi kerana restoran terbatit menyajikan pelbagai juadah.

"Saya dengan anak perempuan berusia 17 tahun sanggup datang jauh-jauh sebab di sini ada makanan murah. Selalunya makanan sebegini iaitu nasi putih, kari ayam, taugeh goreng dan air mineral sudah mencecah RM8 hingga RM10.

"Kami bukan mahu makan besar sangat, sekadar dapat mengenyangkan perut. Dengan harga RM5 ini, dapatlah saya beli dua hingga tiga bungkus untuk saya dan anak makan tengah hari," katanya dan bersyukur dengan langkah kerajaan mengenalkan program Menu Rahmah terbabit.

Seorang pekerja di restoran itu yang hanya mahu dikenali sebagai Muhammad berkata, maklum balas



PELANGGAN membeli hidangan Menu Rahmah nasi ayam hainan yang dijual bermula serendah RM4 dan nasi ayam biasa RM5.

pengunjung yang hadir amat baik, sehingga mereka perlu menambah lauk hampir tiga kali kerana sambutan menggalakkan.

"Kami tidak masak lauk dalam kuantiti banyak kerana ingin menjaga kualiti makanan dan mengelakkkan daripada pembaziran.

"Apabila kita masak dalam kuantiti sederhana, kualiti makanan akan lebih terjamin malah sehingga ini, tiada pembaziran yang berlaku dan lauk habis sekitar jam 8 malam," katanya ditemui di pasar raya itu.

Sementara itu, Mohd Ezayddy Mohd Sofian, 41, pe-

ngusaha sebuah kedai makan Nasi Ayam Viral Klebang Putra, Chemor, turut menyahut seruan kerajaan dalam menyediakan Menu Rahmah atas inisiatif sendiri untuk berkongsi rezeki kepada golongan B40 dan kebawah, apa salahnya.

"Ada yang bertanya, jika jual nasi ayam harga RM4 ada ke untung? Saya dapat untung sikit sahaja tapi kerana ingin bantu meringankan beban behan B40 dan kebawah, apa salahnya."

"Selain itu, saya turut menjual dalam kuantiti banyak supaya boleh membuat pusingan modal barang-

mentah," katanya.

Seorang pengunjung, Hasliza Ahmad, 35 berkata, selepas melihat hantaran pemilik kedai di laman Facebook berkenaan Menu Rahmah, dia dan suaminya hadir ke kedai terbatit untuk merasainya.

"Saya gembira melihat banyak kedai makan turut serta dalam program ini. Memandangkan saya mempunyai anak ramai, dapatlah saya beli dengan kuantiti banyak. Selalunya harga nasi ayam di pasaran sekitar RM7 hingga RM10, harga Menu Rahmah ini murah dan mampu milik," katanya.

## Menu Rahmah RM4.90 dapat sambutan

**KUALA TERENGGANU** – Menu Rahmah berharga RM4.90 yang diperkenalkan kerajaan bagi meringankan beban rakyat mendapat sambutan membangangkan di bandar raya ini dan Kuala Nerus.

Tinjauan di beberapa pasar raya di dua daerah itu mendapati ramai pengguna membeli juadah berharga RM4.90 itu dan beberapa jenis hidangan berharga RM2.50 seawal pukul 10 pagi.

Seorang pelanggan, Mohd. Arif Hishamudin, 44, berkata, Menu Rahmah merupakan antara langkah terbaik diambil kerajaan bagi membantu rakyat.

Pengawal keselamatan itu berharap inisiatif tersebut tidak bersifat sementara kerana ia dapat mengurangkan kos perbelanjaan harian isi rumah sebanyak lebih 50 peratus.

"Sebelum ini, setiap hidangan mengandungi nasi, lauk ayam atau ikan, sayur dan air boleh mencecah hingga RM10, namun kini cuma berharga

RM4.90 dengan Menu Rahmah.

"Bagi yang berkeluarga besar, Menu Rahmah antara jalan penyelesaian mengatasi isu kos sara hidup dan harga bahan mentah yang semakin meningkat," katanya kepada Kosmo! Ahad di sini semalam.

Bagi Maisara Adam, 29, pula, Menu Rahmah tetap menawarkan kuantiti dan kualiti hidangan berbaloi walaupun cuma berharga RM4.90.

Penjawat awam itu berkata, pengenalan Menu Rahmah cukup melegakan rakyat khususnya golongan kurang berkemampuan (B40) sewaktu mereka kian dihimpit oleh isu kenaikan kos sara hidup dan harga barang.

"Hidangan disediakan dalam Menu Rahmah ini juga pelbagai seperti kari ayam, ikan masak kicap dan ayam masak merah.

"Selain itu, mi goreng dan mihun goreng pula hanya berharga RM2.50. Kita perlu sambut baik langkah diambil kerajaan ini," katanya.



BEBERAPA pelanggan membeli Menu Rahmah di Pasar Raya Mydin di Gong Badak, Kuala Nerus semalam.

# Jualan Rahmah di AEON BiG

FOTO: RAFEQ REZZUAN

Dilaksanakan dalam masa terdekat, tawar harga barang mampu milik

Oleh NURFARDINA IZZATI  
MOKTAR  
PETALING JAYA

**A**EON BiG Sdn Bhd (AEON BiG) akan melancarkan program Jualan Rahmah di semua cawangannya di seluruh negara dalam masa terdekat sebagai usaha menawarkan harga mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah.

Pengarah Urusannya, Sheikh Farouk Sheikh Mohamed berkata, pihaknya bersedia menawarkan jualan produk barang dengan harga murah dan berpatutan untuk golongan B40, selain menyambut baik inisiatif berkenaan.

"Beberapa hari lepas kita melancarkan kempen 'Setiap Hari Segar, Setiap Hari Harga Rendah' bagi membantu meringankan beban kos sara hidup yang semakin meningkat. Selepas ini kami akan memperkenalkan satu lagi program Jualan Rahmah.

"Ia bukan sahaja menyahut cabaran menawarkan harga murah untuk barang keperluan asas tetapi melibatkan food court dan hypermarket AEON BiG.



Sheikh Farouk (tengah) bersama ahli pengurusan dan kakitangan sempena program AEON BiG Get Tu-gether Hi Tea.



“

Insya-ALLAH, kita akan lancarkan program tersebut pada bulan ini dan tarikh pelancaran itu akan diumumkan dalam masa terdekat.”

- Sheikh Farouk

ESUTISUYO910

"Insya-ALLAH, kita akan lancarkan program tersebut pada bulan ini dan tarikh pelancaran itu akan diumumkan dalam masa terdekat," katanya selepas program AEON BiG Get Tu-gether Hi Tea di sebuah

hotel di sini.

Selasa lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, orang ramai kini boleh menikmati makanan tengah hari

dan malam, masing-masing pada harga, RM5 di hampir 15,000 premis makanan seluruh negara melalui program Menu Rahmah.

Terdahulu, seramai 300 tetamu terdiri daripada pembekal, rakan pemasaran dan kakitangan hadir meriahkan majlis minum petang sempena sambutan Tahun Baharu Cina.

Sheikh Farouk berkata, program tersebut bertujuan meraikan semua pihak selain mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.

"Kita mahu meraikan dan sebagai tanda terima kasih serta apresiasi terhadap semua pihak yang banyak berjaya dalam membangunkan AEON BiG," jelasnya.

## Pastikan tiada trak pikap Thailand 'curi' diesel subsidi

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

**PADANG BESAR** – Penduduk meminta agar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) menguatkuasakan larangan baru penjualan petrol RON95 dan diesel bersubsidi kepada kenderaan asing di negeri itu dengan lebih tegas lagi.

Seorang penduduk, Zulaikha Zakaria, 44, berkata, larangan pembelian minyak bersubsidi itu perlu dikuatkuasakan sepenuhnya di seluruh stesen minyak di Perlis.

"Kita menerima baik peraturan baru ini kerana ia mampu mengejai ketirisan minyak bersubsidi kepada warga asing.

"Namun, penguat kuasa KPDN dengan kerjasama pihak berkuasa lain perlu membuat pemantauan secara berkala bagi mengejek ada warga asing yang masih mahu mengambil kesempatan," katanya di sini semalam.

Katanya, dia percaya akan ada kenderaan nombor pendaftaran



**PIKAP dari Thailand mengisi diesel tanpa subsidi di stesen minyak Double di Kawasan Industri Padang Besar semalam.**

Thailand terutama trak pikap yang akan cuba mengisi diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak di sempadan Malaysia-Thailand.

"Saya rasa lega sedikit kerana sebelum ini kami terpaksa bersesak dengan trak pikap Thailand ini yang memenuhi stesen minyak

terutamanya pada sebelah pagi," ujarnya.

Seorang lagi penduduk, Noradi Izwan Mohamad, 50, berkata, dia berharap larangan itu dapat dikuatkuasakan di negeri-negeri sempadan lain seperti Kedah, Kelantan dan Johor.

"Saya lihat peraturan baru

ini sangat baik yang mana pihak penguat kuasa lebih mudah untuk membuat pemantauan bila kenderaan asing ini hanya dibenarkan mengisi minyak tanpa subsidi," katanya.

Pemilik Stesen Minyak Double, Datuk Romli Bakar berkata, hasil permerluan kasarnya mendapat, jumlah kenderaan asing yang mengisi minyak di stesenanya meningkat kira-kira 40 peratus sejak larangan baharu diperkenalkan pada Rabu lalu.

"Penguatkuasaan larangan mengisi bahan bakar di stesen bersubsidi diilah mampu mengurangkan isu ketirisan dan kesan-kesan negatif hasil aktiviti tersebut di kawasan sempadan.

"Pelaksanaan arahan ini juga mampu mengurangkan aktiviti 'angkut' minyak bersubsidi dari stesen ke stesen sebelum dihantar ke negara jiran," katanya ketika ditemui di Kawasan Perindustrian Padang Besar, di sini semalam.

Bermula 1 Februari lalu, kenderaan bernombor pendaftaran

asing tidak lagi dibenarkan mengisi petrol RON95 dan diesel bersubsidi di semua 38 stesen minyak di seluruh Perlis.

Perlis menjadi negeri pertama menguatkuasakan larangan tersebut dengan KPDN, melalui Bahagian Penguat Kuasa mengambil langkah proaktif melakukan advokasi kepada kesemua 40 pegusaha stesen minyak termasuk dua tanpa subsidi sejak 27 Januari lalu.

Tinjauan di Stesen Minyak Double selama lebih sejam mendapat, puluhan kenderaan perdagangan dan pikap dari negara jiran mengisi bahan diesel Euro5 yang dijual pada harga RM3.51 seliter dan petrol RON95 pada harga RM3.25.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, kegiatan trak pikap dari Thailand yang rancak 'beratur' di stesen minyak berhampiran sempadan di negeri ini bagi memenuhi tangki dengan diesel bersubsidi sebelum pulang ke negara mereka.